

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1995/96

April 1996

SBU214 - Teori Pembangunan Islam

Masa: [3 Jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab TIGA (3) dari soalan berikut. Jawapan hendaklah TEPAT dan PADAT.

1. Apakah yang dimaksudkan dengan 'eurocentric' dalam teori pembangunan kontemporari? Berdasarkan kepada persoalan 'eurocentric' ini, bincangkan kritikan Islam terhadap teori pembangunan kontemporari. Tumpukan perbincangan anda HANYA kepada aspek-aspek falsafah, epistemologi dan andaian sahaja.

(100 markah)

2. Secara ringkas, huraikan DUA dari perkara berikut. Hubungkan huraian anda dengan pembangunan berteraskan Islam.

- (a) rohul-hayah dan rohul-tamayyiz
- (b) takhalli, tahalli dan tajalli
- (c) Iman ayan dan nafsu mutma-innah
- (d) israf, tabtzir dan at-tayyibat

(100 markah)

...2/-

3. Dalam pembangunan berteraskan Islam, status manusia sebagai manusia mesti dipertahankan. Apakah yang dimaksudkan dengan status manusia dan bagaimanakah ianya dapat dipertahankan?
(100 markah)

4. Bezakan antara 'keperluan' dengan 'kemahuan'. Yang mana satukah antara kedua ini yang sepatutnya menjadi amalan dalam kepenggunaan secara Islam? Huraikan hujah-hujah anda dengan kritis.
(100 markah)

5. Apakah yang dimaksudkan dengan hak primer (primary rights) dan hak sekunder (secondary rights)? Huraikan peranan kedua-dua hak ini dalam mencapai pengagihan yang saksama.
(100 markah)

6. Pada pendapat anda, pendekatan manakah yang paling berkesan dalam melaksanakan pembangunan berteraskan Islam? Sandarkan hujah-hujah anda itu kepada kes-kes pendekatan pembangunan berteraskan Islam di Malaysia.
(100 markah)

- oo o0o oo -